




## Fakta terbaru tentang tanah, 1400 tahun lalu Al-Quran telah menjelaskannya

*" Bumi dijadikan untukku sebagai tempat sujud (masjid ) dan alat bersuci, " (HR.Muslim)*

Jika kita mengambail segenggam tanah, kebanyakan orang mungkin akan berfikiran tanah itu mengandungi bakteria membawa penyakit. Namun tahukah anda dalam sebuah kajian terbaru, para saintis mengatakan bahawa salah satu fungsi tanah dan khususnya tanah dari gunung berapi boleh menghapuskan bakteria yang lebih berbahaya. Kini mereka menghasilkan antibiotik pembunuh bakteria berbahaya yang diambil dari jenis tanah tertentu.

Seorang Doktor Perancis, Line Brunet de Course mendapatkan tanah dari tanah hijau Perancis yang boleh digunakan sebagai antibiotik untuk rawatan di Ivory Coast dan Kenya. Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengganggap penemuan tersebut sungguh mengagumkan.

Setelah itu Dr Linda Williams juga mengesahkan bahawa tanah merupakat zat yang sangat bersih, di mana bahan-bahan tersebut mengendalikan aktiviti mikrob dan pada akhirnya dapat melemahkan dan menghilangkannya.

Salah seorang ahli biologi Dr . Haydel berkata: ' Sekarang kita harus mencari hubungan antara ilmu pengetahuan dan sel -sel hidup. Setahun yang lalu saya hanya memandang tanah sebagai bahan kotor, tapi sekarang sebaliknya menganggap tanah sebagai bahan-bahan yang steril ! "



Para penyelidik mendapati bahawa beberapa jenis tanah di Afrika Selatan boleh menghasilkan suatu jenis antibiotik yang boleh membunuh bakteria yang tidak dapat dibunuh dengan antibiotik lain. Penemuan ini diterbitkan dalam jurnal " New World " pada tahun 2006, kata

penyelidik Jun Wang di makmal Merck Research di New Jersey yang mencari Penemuan ini : sekarang peluang baru telah muncul, dalam rangka untuk menghasilkan antibiotik dari tanah!

**Sifat tanah seperti yang disimpulkan oleh para ilmuwan baru- baru ini, sebagai berikut:**

1 . Bahan steril terbaik yang terdapat di alam !

2. Tanah mampu menghapuskan bakteria yang tidak dapat dibunuh oleh bahan kimia

3. Tanah merupakan bahan terbaik untuk membersihkan air ! !

4. Tahan adalah bahan semulajadi yang dimurnikan air.

5. Ada lebih dari sepuluh ribu jenis tanah yang baru ditemui di Eropah.

6. Pelbagai jenis pinggan dan periuk buatan cina yang paling terbaik terbuat dari tanah!

7. Tanah adalah zat yang tidak tumbuh semula dengan berlalunya waktu.

8. Ruang yang terdapat di antara butiran- butiran tanah berukuran 50% dari ukurannya

9. Antibiotik yang kita gunakan untuk merawat penyakit sebahagian besar berasal dari mikroorganisma dalam tanah.

10. Tanah merupakan bahan yang sangat baik untuk membersihkan liang-liang kulit .

Tapi sebagai kaum Muslim hal tersebut bukanlah sesuatu yang ganjil. Sebelum 14 abad lalu tanah adalah benda suci sebagaimana kita ketahui hubungan antara sel-sel dan tanah. Kita meyakini manusia diciptakan dari tanah dan akan kembali menjadi tanah.


Sand
Top Soil
Rich Mix
Manure
Murphy Compost
Norman Compost
Pea Gravel
River Rock


Kuku: Diagnos Penyakit
Kurus Tanpa Ubatan
Jangan Hidup Air-cond..
Penyakit Kencing Tikus
Rahsia di Sembunyi
Awas ! Ibu Bapa
TIPS HAPUSKAN CICAK RUMAH
Diet Rasulullah
Ikutlah Sunnah


KLIK DI SINI !
KEMBALI KE KOLEKSI UTAMA ARTIKEL